

Nelayan Pulau Tioman, Rompin diberi ilmu baiki bot

REAKSI PESERTA

PULAU TIOMAN - Nelayan yang menggunakan enjin sangkut di sekitar Pulau Tioman dan Rompin wajar memiliki kemahiran membaiki bot supaya dapat menyelenggara bot masing-masing secara berkala.

Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pahang, Rashima Baharudin berkata, kemahiran menyelenggara bot bukan sahaja dapat menjimatkan kos malah boleh mengelak situasi panik jika berlaku kerosakan di tengah laut.

Menurutnya, nelayan di sini perlu memiliki kemahiran itu di samping mengetahui teknologi terkini berkaitan bot.

"Kemahiran membaiki bot ini juga dapat bantu mengurangkan kos kerana nelayan tidak perlu menghantar enjin bot rosak mereka ke bengkel," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui pada Kursus Pengendalian Bot Sangkut Nelayan Kawasan Rompin 2019 di sini Sabtu lalu.

Kursus anjuran LKIM Pahang itu diadakan selama tiga hari dan beraakhir semalam sempena Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian

dan Industri Asas Tani Peringkat Negeri Pahang dan Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Taman Laut Mala-

si. Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan berkesempatan meninjau dan bertemu peserta kursus.

Turut serta Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan LKIM, Untung Keri dan Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan LKIM, Raja Kahalid Raja Ariffin.

Rashima berkata, kemahiran diperoleh peserta melalui kursus itu diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh nelayan terlibat.



Mohd Sallehhuddin merakamkan gambar kenangan bersama 32 nelayan sekitar Pulau Tioman dan Rompin yang mengikuti kursus itu kelmarin.



Seingat saya kursus ini adalah kali pertama dan sememangnya dapat membantu nelayan di sini membaiki kerosakan kecil pada enjin. Saya harap program ini akan berterusan dan dilakukan dari masa ke masa supaya kami dapat belajar dengan lebih mendalam. Mana tahu selepas ini kami sendiri boleh membaiki bot tanpa perlu hantar ke bengkel." - Mohd Don Abdullah, 63, Kampung Mukut



Terima kasih atas pengajuran kursus ini. Ia dapat menghindarkan penipuan harga daripada mekanik yang suka ambil kesempatan terhadap nelayan yang tidak mempunyai ilmu untuk selenggara enjin. Kebanyakan nelayan atau penduduk majoriti menggunakan bot setiap. Biasanya kami hantar enjin ke Mersing dan selalunya harga baiki RM400 ke atas. Padahal kalau beli barang alat ganti untuk enjin tak sampai RM100 pun." - Arman Arifin, 45, Kampung Salang